

BAB 6

ANALISIS ARTIFAK DALAM MAJLIS PERTUNANGAN

Bab ini akan membincangkan jenis-jenis artifak yang terdapat dalam majlis pertunangan. Analisis data dibuat menerusi pemerhatian dan pengamatan ke atas barang-barang yang mengiringi perlakuan verbal dan bukan verbal dalam majlis tersebut. Perbincangan akan menyentuh jenis-jenis artifak, peranannya dalam majlis pertunangan dan makna setiap barang artifak itu.

6.1. Artifak

Artifak seperti yang didefinisikan ialah barang-barang yang digunakan dalam majlis pertunangan. Barang-barang tersebut mempunyai makna yang tersendiri. Makna ini wujud dalam budaya dan pemikiran orang Melayu yang diperturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi. Barang-barang artifak dalam majlis pertunangan berperanan menyampaikan mesej yang tersirat terutama dalam menggambarkan perasaan mesra, kasih, sayang dan harapan. Antara artifak yang penting dalam majlis pertunangan ialah dulang hantaran yang setiap satu dulang akan mengandungi pelbagai jenis barang.

6.2. Dulang Hantaran

Dulang¹ hantaran ialah hadiah atau buah tangan yang akan diserahkan oleh rombongan lelaki kepada pihak perempuan dan pihak perempuan juga menyediakan dulang untuk balasan. Amalan membawa buah tangan atau hadiah

terutama dalam majlis pertunangan sudah sebatи dalam masyarakat Melayu. Amalan ini merupakan satu strategi dalam menunjukkan perasaan suka, kasih sayang dan menyenangi. Rasulullah (Imam Ghazali, 1998:242) pernah bersabda bahawa memberi hadiah ialah perbuatan sunat yang dilakukan demi berkasih-sayang.

Dapatan kajian menunjukkan semua pihak perempuan (100.0 %) melebihkan bilangan dulang hantaran untuk dibalas kepada pihak lelaki. Ini dapat dijelaskan dengan Jadual 6.1.

Jadual 6.1: Bilangan Dulang Hantaran Oleh Pihak Lelaki dan Pihak Perempuan

Majlis Pertunangan	Bilangan Dulang Lelaki	Bilangan Dulang Perempuan	Perbezaan Bilangan Dulang	Jumlah Dulang
1	7	9	2	16
2	9	13	4	22
3	13	15	2	28
4	9	11	2	20
5	11	13	2	24
6	11	13	2	24
7	7	9	2	16
8	3	7	4	10
9	11	13	2	24
10	9	11	2	20
11	7	11	4	18
12	7	11	4	18
13	9	13	4	22
14	9	11	2	20
15	9	11	2	20
16	9	13	4	22
17	7	9	2	16
18	9	11	2	20
19	17	21	4	38
JUMLAH	173	225	52	398
PURATA	9	12	3	21

Dengan merujuk Jadual 6.1, didapati bahawa jumlah dulang perempuan dalam 19 MP ialah 225. Jumlah dulang hantaran yang disediakan oleh pihak lelaki pula ialah 173 dulang. Purata bilangan dulang yang dibawa oleh pihak lelaki adalah sebanyak 9 dulang manakala purata di pihak perempuan 12 dulang. Purata perbezaan dulang adalah 3 dan purata dulang bagi setiap majlis ialah 21

Dapatan menunjukkan bahawa pihak perempuan membalias dulang hantaran dengan melebihkan bilangan dulang antara dua hingga empat dulang. Amalan melebihkan dulang hantaran di pihak perempuan didapati menjadi suatu perlakuan yang tekal dan terdapat dalam semua majlis. Tindakan melebihkan dua dulang balasan terdapat dalam 12 MP manakala tindakan melebihkan empat dulang terdapat dalam 7 MP. Hal ini ada kaitan dengan budaya orang Melayu yang sangat berpegang kuat pada pepatah “orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa” dan konsep “budi baik dikenang juga”. Dalam hal ini, pemberian orang sangat disanjung tinggi dan setiap budi baik orang seperti pemurah dihargai dengan membaliasnya lebih daripada apa yang diterima. Sehubungan itu, budi baik pihak lelaki yang berkunjung dan membawa buah tangan disanjung tinggi oleh pihak perempuan. Sebagai balasan, pihak perempuan membaliasnya dengan melebihkan kuantiti balasannya. Dalam Jadual 6.2 ditunjukkan pula taburan bilangan dulang menurut kelompok bilangan dulang.

Dengan merujuk Jadual 6.2, didapati bahawa kelompok dulang sebanyak 11 adalah pilihan yang paling tinggi di kalangan pihak perempuan. Terdapat sebanyak 7 pihak perempuan daripada 19 MP (36.84 %) yang memilih kelompok ini yang

menjadikan jumlah dulang sebanyak 77 dulang (34.22 %). Ini diikuti dengan kelompok dulang sebanyak 13 yang dipilih oleh 6 pihak perempuan (31.58 %) yang menjadikan bilangan dulang dalam kelompok ini sebanyak 78 dulang (34.67 %) dan merupakan bilangan dulang yang terbanyak di pihak perempuan.

Jadual:6.2: Kelompok Bilangan Dulang Dalam Majlis Pertunangan

Kelompok Dulang	Bilangan Pihak Perempuan	Jumlah Dulang Perempuan	Bilangan Pihak Lelaki	Jumlah Dulang Lelaki	Jumlah Dulang Lelaki & Perempuan
3	0	0	1 (5.26%)	3 (0.75%) 3 (1.73%)	3 (0.75%)
7	1 (5.26%)	7 (1.76%) 7 (3.11%)	5 (26.32%)	35 (8.79%) 35 (20.23%)	42 (10.55%)
9	3 (15.77%)	27 (6.78%) 27 (12.00%)	8 (42.11%)	72 (18.09%) 72 (41.62%)	99 (24.87%)
11	7 (36.84%)	77 (19.35%) 77 (34.22%)	3 (15.77%)	33 (8.29%) 33 (19.08%)	110(27.64%)
13	6 (31.58%)	78 (19.59%) 78 (34.67%)	1 (5.26%)	13 (3.27%) 13 (7.51%)	91 (22.86%)
15	1 (5.26%)	15 (3.77%) 15 (6.67%)	0	0	15 (3.77%)
17	0	0	1 (5.26%)	17 (4.27%) 17 (9.83%)	17 (4.27%)
21	1 (5.26%)	21 (5.28%) 21 (9.33%)	0	0	21 (5.28%)
Jumlah	19 (100.0%)	225 (56.53%) 225 (100.0%)	19 (100.0%)	173 (43.47%) 173 (100.0%)	398 (100.0%)

Terdapat satu sahaja di kalangan pihak perempuan (5.26 %) yang memilih kelompok dulang 7 dan 21. Ini menunjukkan bilangan pihak perempuan yang memilih bilangan dulang sebanyak antara 11 hingga 13 dulang adalah tinggi (68.42 %).

Bagi pihak lelaki pula, kelompok bilangan dulang sebanyak sembilan dulang adalah tertinggi, iaitu terdapat sebanyak 8 pihak lelaki (42.11 %) yang memilih bilangan tersebut yang menjadikan jumlah dulang tertinggi di pihak lelaki sebanyak 72 (41.62 %). Ini diikuti dengan kelompok dulang sebanyak 7 yang dipilih oleh 5 pihak lelaki (26.32 %) yang menghasilkan jumlah sebanyak 35 dulang (20.23 %) yang merupakan kedua tingginya bagi pihak lelaki. Manakala kelompok paling rendah ialah 3 dan 17 dulang yang hanya dipilih oleh satu pihak lelaki (5.26 %). Ini menjelaskan bahawa kelompok bilangan dulang 7 dan 9 adalah yang tertinggi di kalangan pihak lelaki (68.43 %). Dapatan mengenai bilangan dulang iaitu antara 7 dan 9 dulang yang menjadi pilihan pihak lelaki mempunyai persamaan dengan pandangan Amran Kasimin (2002:22).

Dapatan tersebut memaparkan bahawa bilangan dulang yang dibawa oleh pihak lelaki dan yang dibalas oleh pihak perempuan adalah sederhana, tidak terlalu banyak dan tidak terlalu kecil. Perlakuan dan tindakan yang bersederhana ialah satu bentuk kesantunan di kalangan orang Melayu memandangkan bersederhana ialah akhlak Rasulullah S.A.W. Umat Islam diminta bersederhana yang disebut “istiqamah” dan “i’tidaat” yang bermaksud berada di tengah-tengah dalam setiap perlakuan terutama dalam percakapan, perbuatan dan gerak geri (Hamka,1999:158).

Kajian telah mengenal pasti bilangan dulang yang dibawa oleh pihak lelaki dan bilangan dulang yang dibalas oleh pihak perempuan. Bilangan dulang yang dibawa dan yang dibalas semuanya berada dalam bilangan yang ganjil. Alasan terhadap fakta tersebut belum ditemui dengan jelas (Amran Kasimin, 2002:22).

Namun begitu, satu alasan yang boleh dikaitkan dengan bilangan dulang yang ganjil adalah kerana angka yang ganjil ialah angka yang kerap muncul dalam Al-Quran dan Allah Taala suka akan angka ganjil. Ini dapat dipertahankan dengan sepotong hadith yang bermaksud “Sesungguhnya Allah Taala itu ganjil dan dia suka kepada yang ganjil” (Dr Wahbah Az-Zuhaili, 1988:154). Angka ganjil seperti angka 3 atau 7 paling kerap didapati dalam ibadah sembahyang dan doa, contohnya surah al-Fatihah mengandungi tujuh ayat, dalam ibadah haji seperti tawaf dan sa’i atau melontar, bilangan perbuatan tersebut adalah sebanyak tujuh kali (Asmah Omar, 1988:168). Selain itu angka ganjil juga kerap tercatat dalam Al-Quran, contohnya Allah mencipta tujuh lapis langit (Surah al-Baqarah ayat 29).

Alasan seterusnya ialah angka ganjil melambangkan bahawa setiap perbuatan dimulai dengan tangan atau kaki kanan dan diakhiri dengan tangan atau kaki kanan. Hal ini dapat dikaitkan dengan bilangan anak tangga rumah orang Melayu yang mempunyai bilangan anak tangga tiga, lima, tujuh dan sebagainya. Langkah anak tangga yang pertama adalah dengan kaki kanan dan langkah anak tangga terakhir sama ada tiga, lima atau tujuh juga dengan kaki kanan.² Inilah antara alasan terhadap bilangan dulang hantaran yang ganjil dalam majlis pertunangan orang Melayu. Maka perlakuan yang berdasarkan kepercayaan Islam diterima sebagai perlakuan adat yang sudah sebatи dalam kehidupan orang Melayu. Penyempurnaan majlis pertunangan dengan mematuhi amalan tersebut dianggap perlakuan yang santun dan beradat. Sebaliknya, pengabaianya akan menyebabkan keluarga dituduh sebagai tidak tahu adat dan ini adalah memalukan.


Di dalam dulang hantaran akan diisi dengan beberapa jenis barang. Dapatan kajian menunjukkan terdapat jenis barang artifak yang mesti ada dalam majlis pertunangan dan ada barang artifak yang tidak begitu penting, sebaliknya bergantung atas budi bicara keluarga pasangan.

Yang berikut ialah barang yang mesti dibawa oleh pihak lelaki kepada perempuan:

- i) Tepak sirih
- ii) Cincin pertunangan

Manakala barang-barang lain yang turut dibawa oleh rombongan lelaki tetapi tidak begitu dipentingkan ialah:

- i) Makanan yang manis
- ii) Buah-buahan
- iii) Gula, garam dan asam
- iv) Sepasang pakaian
- v) Set alat solek
- vi) Telekung
- vii) Al-Quran
- viii) Bunga rampai
- ix) Wang pendahuluan hantaran



Gambar Foto 6.1: Dulang hantaran daripada pihak lelaki kepada pihak perempuan



Gambar Foto 6.2: Dulang hantaran daripada pihak perempuan kepada pihak lelaki

Terdapat juga barang-barang yang semakin jarang dibawa oleh pihak lelaki dan hanya boleh ditemui sekali-sekala sahaja. Kajian ini menemui beberapa barang tersebut yang dibawa dalam satu atau dua majlis pertunangan. Antaranya adalah seperti:

- i) Kain putih lipat 44
- ii) Syiling yang diletak di bawah tepak sirih
- iii) Beras pulut yang diletak dibawah tepak sirih

6.3. Tepak Sirih dan Sirih Junjung

Antara barang utama yang tidak pernah dikecualikan dalam majlis pertunangan ialah tepak sirih. Kajian mendapati kesemua 19 rombongan lelaki (100%) dalam MP membawa tepak sirih dan ada yang membawa sirih junjung. Malahan, dalam beberapa MP wakil akan menyebut tentang tepak sirih, contohnya dalam ujaran-ujaran yang terdapat dalam MP 3, MP 6 dan MP 13. Tepak sirih yang dibawa akan diletakkan di depan wakil-wakil yang menjadi jururunding.

Dengan berdasarkan sedutan ujaran-ujaran tersebut, adalah jelas bahawa tepak sirih adalah antara barangan utama yang dibawa oleh rombongan peminangan seperti yang dinyatakan dalam U:6 (MP 3) dan U:136 dan U:143 (MP 13). Manakala ujaran dalam MP 6 dan MP 13 menjelaskan bahawa tepak sirih itu ialah suatu bentuk simbol atau lambang yang merupakan adat. Ujaran-ujaran tersebut dipaparkan seperti yang berikut.

Contoh 6.1

MP 3

WL:U:6: Yang pertama sekali ialah tepak sirih

MP 6

WP:U 219: Ha...tepak, ini simbolnyalah.

MP 13



WL:U 33: Jadi untuk ringkaskan cerita, kami datang tentulah membawa tepak...

WP:U 136: Jadi kami terus menerima, menerima tepak sirih.

WP:U 143: Alhamdulillah, ini adat.

Tepak sirih berperanan sebagai lambang yang membawa maksud niat yang murni dan tulus ikhlas yang tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Dalam majlis pertunangan tepak sirih ini disebut juga sebagai “sirih meminang” (Abd Jalal Ajmain et al., 1960:10). Di kalangan masyarakat Melayu, tepak sirih yang diunjukkan menggambarkan keramahan, kemesraan dan persahabatan dan tanggapan ini sudah sebatи dalam kehidupan masyarakat Melayu. Selain itu, penyerahan tepak sirih oleh rombongan lelaki kepada pihak keluarga perempuan menggambarkan perasaan hati lelaki yang ingin menjalinkan hubungan yang suci menerusi peminangan yang merupakan proses awal perkahwinan.

Tepak sirih yang diperbuat daripada tembaga mempunyai ruang-ruang tersendiri untuk diisikan bukan sahaja dengan beberapa helaian daun sirih, bahkan



Gambar Foto 6.3: Tepak sirih digunakan sebagai kepala adat



Gambar Foto 6.4: Sirih junjung turut dibawa oleh pihak lelaki

juga ruang untuk diisikan dengan isi buah pinang, kapur dan gambir. Tepak sirih tidak akan lengkap sekiranya hanya diisi dengan daun sirih, sebaliknya dalam pertunangan tepak sirih perlu dilengkapkan dengan pinang. Ini kerana perkataan “meminang” itu sendiri berasal daripada perkataan “pinang” yang merupakan bahan utama dalam istiadat peminangan. Pinang diibaratkan sebagai pihak lelaki yang berperwatakan keras, manakala sirih diibaratkan pihak gadis yang berperwatakan lembut. Pinang dan sirih ialah dua gabungan yang unik dan menarik, ibarat hubungan lelaki dan perempuan (Amran Kasimin, 2002:20). Sirih dikatakan menjadi “kepala adat” sama ada dalam upacara peminangan ataupun perkahwinan. Tepak sirih perlu mendahului bingkisan lain dan akan dibawa oleh ketua rombongan. Memandangkan sirih dan pinang mempunyai maknanya yang tersendiri, maka majlis pertunangan akan menjadi cacat sekiranya rombongan lelaki tidak membawa tepak sirih, kemungkinan besar ikatan pertunangan tidak dapat dilangsungkan. Sehubungan itu, sirih ialah barang artifak orang Melayu yang mesti ada dalam majlis pertunangan.

6.4. Cincin Pertunangan

Cincin ialah pemberian yang dibawa oleh pihak lelaki sebagai tanda ikatan (Haron Din, 1991:201). Setelah lamaran peminangan diterima, pihak lelaki akan menyerahkan cincin pertunangan yang dianggap sebagai tanda perjanjian antara kedua-dua pihak. Cincin ini disebut sebagai “cincin tanda” (Abd Jalal Ajmain et al., 1960:10) yang membawa maksud bahawa peminangan lelaki diterima (Syed Alwi Al-Hady, 1972:22). Kajian mendapati bahawa cincin dibawa oleh pihak lelaki dalam semua MP (100.00 %). Cincin yang dibawa disarungkan ke jari manis

gadis terdiri daripada jenis cincin emas bertahtakan berlian. Nilai harga cincin serta rupa bentuk cincin tidak ditetapkan oleh pihak perempuan, sebaliknya terpulang kepada pihak lelaki untuk membuat pilihan.

Apa yang penting ialah cincin tersebut adalah sebagai tanda dan lambang bahawa gadis sudah dipinang dan dalam tempoh pertunangan tersebut gadis tidak boleh menerima peminangan orang lain. Peranan cincin adalah sebagai lambang ikatan pertunangan dan ikatan tersebut ialah ikatan janji yang tidak mudah untuk dimungkiri. Peranan tersebut adalah jelas menerusi contoh ujaran yang berikut:

Contoh 6.2

MP 2

WP:U 47: Kita meminang selalunya orang bawa cincin.

U 48: Itulah saja yang permulaan, cincin.

U 49: Ha... jadi kita nak buat tanda, cincin.

MP 12

WP:U 158: Sampailah masa saat dinanti.

U 159: Cincin pertunangan akan disarungi.

U 160: Belum menjadi milik hakiki lagi.

U 161: Ha... belum.

WL:U 162: Ha...belum, tanda saja.

WP:U 163: Sekadar tanda pertunangan rasmi

Memandangkan cincin ialah tanda ikatan pertunangan, maka sebarang kejadian yang tidak diingini sekiranya berlaku turut membabitkan cincin tersebut. Cincin yang menjadi tanda ikatan pertunangan turut berperanan sebagai tanda putus pertunangan secara rasmi. Ini jelas menerusi ujaran yang berikut.

Contoh 6.3

MP 2

WP:U 229: Ha... ganda.

U 230: Kalau cincin tu satu, dia pulangkan dua.

U 231: Kalau dua, dia pulangkan empat.

MP 4

WP:U 27: Helah bagi lelaki, wang dan cincin ni hilang.

U 28: Helah bagi perempuan, kita akan kembalikan saja.

U 29: Tujuan saya tanyakan cincin tu...

U 30: Sekiranya hilang cincin kita akan gantikan dengan wang sahaja.

Kajian mendapati daripada 19 rakaman yang dibuat, cincin disarungi oleh ibu terdapat dalam 15 MP (78.94 %). Cincin disarungi oleh ibu saudara, nenek atau kakak lelaki. terdapat dalam 4 MP (21.05 %) kerana pihak lelaki kematian ibu. Upacara menyarung cincin merupakan suatu upacara yang tidak ditinggalkan dan telah berlaku dalam semua majlis pertunangan yang dirakamkan. Acara menyarung cincin ialah kemuncak majlis pertunangan dan cincin yang disarungkan ke jari manis gadis ialah perasmian ikatan pertunangan. Cincin yang menjadi barang perhiasan kaum wanita memberi makna yang mendalam apabila cincin yang

dipakai ialah cincin pertunangan. Oleh itu cincin ialah lambang penghargaan dan penghormatan kepada wanita dan sehubungan itu menjadi artifak yang penuh makna dalam majlis pertunangan.

Kajian mendapati bahawa 17 MP (89.47 %) pihak lelaki membawa sebentuk cincin berlian sebagai tanda ikatan pertunangan. Sementara itu, terdapat 2 MP (10.52 %) yang membawa dua bentuk cincin pada majlis pertunangan tersebut. Pemberian dua bentuk cincin tersebut dilakukan sekiranya pihak lelaki tidak mendahului majlis pertunangan dengan majlis merisik. Sebentuk cincin belah rotan (cincin emas tanpa batu permata) yang disebut sebagai cincin tanya, selalunya diberikan kepada gadis pada hari merisik. Namun begitu, majlis merisik jarang dipraktikkan lagi memandangkan pasangan telah mengenali antara satu lain. Bagi menggantikan majlis merisik, majlis pertunangan diadakan untuk tujuan merisik dan tujuan pertunangan. Alasan tersebut menyebabkan pihak lelaki membawa dua bentuk cincin yang bererti merisik dan bertunang. Hal ini dibuktikan menerusi contoh ujaran yang berikut:

Contoh 6.4


MP 2

WP:U 118: Hah... tu pasal kata Tuan Haji tadi, dua bentuk cincin.

U 119: Satu tu cincin meminanglah.

U 200: Yang satu lagi, ha.. satu tu, cincin bertanya.

Cincin yang dibawa selalunya disimpan di dalam sebuah bekas atau kotak yang cantik dan disarungkan ke jari manis gadis setelah rundingan tamat. Cincin



Gambar Foto 6.5: Cincin pertunangan disebut juga sebagai cincin tanda

perlu diberikan oleh pihak lelaki kepada perempuan. Sebaliknya, pihak perempuan tidak semestinya membala cincin kepada pihak lelaki.

6.5 Wang Pendahuluan Hantaran Belanja

Pihak lelaki yang datang untuk merasmikan peminangan akan membawa sebahagian daripada hantaran belanja. Hantaran belanja ialah sejumlah wang yang dikenakan ke atas pihak lelaki untuk diberikan sebagai hadiah atau perbelanjaan kepada pihak perempuan. Dapatan kajian menunjukkan sesetengah pihak akan membawa separuh daripada wang hantaran tersebut sebagai pendahuluan pada majlis pertunangan. Hal tersebut dibuktikan daripada data kajian yang menunjukkan bahawa pihak lelaki membawa separuh daripada hantaran belanja terdapat dalam 8 MP (42.11 %). Manakala 11 MP (57.99 %) tidak membawanya.

Penggunaan wang tersebut tidak sama di semua tempat sebaliknya mengikut adat tempatan. Bagi adat di negeri Perak dan sesetengah negeri yang lain, wang hantaran itu dikenali sebagai belanja hangus yang akan digunakan oleh keluarga sebagai perbelanjaan pada hari perkahwinan kelak. Bagi sesetengah pihak pula, wang hantaran tersebut diminta untuk diserahkan pada hari perkahwinan, ini bererti pihak keluarga tidak memerlukan wang tersebut untuk dibelanjakan dalam majlis perkahwinan tersebut. Ini jelas menerusi ujaran yang berikut.

Contoh 6.5

MP 2

WL:U 248: Jadi saya nak tanya tentang duit hantaran tu, bila patut dibagi, bagaimana caranya?

WP:U 249: Hari akad nikahlah.

WL:U 250: Nak suruh hantar dulu ke?

WP:U 251: Bagi pihak Suhaili, jadi hantaran enam ribu dan apa tu, sekali bawa hari nikah.

WL:U 252: Hari nikah?

WP:U 253: Hari nikahlah, hari akad nikah, hari tulah!

WL:U 254: Kalau di Perak dia hantar setengah dulu.

Bagi keluarga yang memerlukan wang tersebut untuk dijadikan perbelanjaan dalam majlis perkahwinan, wakil didapati akan menegaskan waktu yang sepatutnya pihak lelaki menghantar semua jumlah wang tersebut kepada pihak perempuan. Penegasan hal ini terdapat dalam beberapa MP dan berikut dipaparkan contohnya.

Contoh 6.6

MP 1

WP:U 55: Jadi kebiasaananya di sini, dua tiga bulan sebelum berlangsungnya tarikh sebenarnya.

U 56: Sebab kita di Perak ni, dijatuhkan belanja hangus tu.

U 57: Ha.. jadi duit lima ribu duit hangus tu kita akan kendurikan yang tu, ha...

U 58: Jadi itu adat kita di Perak, ha... ya?

U 59: Adat Temenggong kita di sini.

Perbezaan dalam penggunaan wang hantaran tersebut adalah jelas menerusi dua contoh yang dipaparkan itu. Perbezaan penggunaan wang hantaran itu menjadi salah satu punca mengapa ada pihak yang menyerahkan wang pendahuluan pada hari pertunangan. Kajian juga mendapati bahawa jumlah wang pendahuluan yang diserahkan juga tidak sama. Sekiranya tempoh pertunangan adalah pendek, pihak lelaki akan menyerahkan separuh daripada jumlah harga hantaran belanja. Contohnya dalam MP 11 dan MP 19. Dalam MP 11, pihak lelaki menyerahkan sebanyak RM 4000.00 daripada harga sebenarnya, iaitu sebanyak RM 8000.00. Manakala dalam MP 19, pihak lelaki menyerahkan wang pendahuluan sebanyak RM 3000.00 daripada harga sebenarnya, iaitu RM 7777.00.

Bagi pihak yang tidak menyerahkan wang pendahuluan hantaran belanja pula adalah disebabkan beberapa faktor, antaranya:

- i) Semua jumlah wang hantaran belanja akan diserahkan apabila tarikh perkahwinan hampir menjelang, contohnya tiga bulan sebelum perkahwinan.
- ii) Kedua-dua keluarga mencapai persetujuan dalam rundingan awal bahawa wang pendahuluan tidak akan dibawa pada hari pertunangan bagi mengelakkan masalah kemudian hari sekiranya berlaku sesuatu yang tidak diingini. Memandangkan ikatan pertunangan hanya ikatan perjanjian, kedua-dua pihak tidak mahu menanggung sebarang masalah. Contohnya, pihak perempuan terpaksa memulangkan semula

wang pendahuluan yang diterimanya, malahan di sesetengah tempat pihak perempuan akan menggandakan wang tersebut sekiranya pihak perempuan yang melakukan ingkar. Sekiranya pihak lelaki yang ingkar, wang tersebut tidak akan dipulangkan oleh pihak perempuan dan lelaki menanggung kerugian. Atas alasan tersebut, banyak pihak enggan meneruskan perlakuan membawa wang pendahuluan.

Oleh itu, amalan membawa wang pendahuluan hantaran belanja tidak menjadi satu amalan di kalangan semua pihak. Contohnya, walaupun ada pihak beranggapan bahawa bagi masyarakat Perak, wang pendahuluan akan diserahkan pada hari pertunangan (Contoh 6.3), tetapi kajian ini membuktikan bahawa hal tersebut tidak tepat. Contohnya dalam ujaran yang berikut, MP diadakan di Perak dan kedua-dua pasangan ialah orang Perak, tetapi pihak lelaki tidak membawa wang pendahuluan. Tindakan tersebut mempunyai alasannya yang boleh diteliti menerusi ujarannya seperti yang berikut.

Contoh 6.7

MP 14

WL:U 136: Maklumat sebelum ni, saya tak bawa duit sekiranya belum tentu tarikh sebenar akad nikah.

U 137: Jadi, insya-Allah, saya akan setuju.

U 138: Apabila dah nak kenduri, tak kiralah saya...

U 139: Sebulan ke, dua ke, masa tu.

U 140: Sebab hari ni masih kita kabur-kabur lagi bila kita nak ijab kabulkan deme kan!

U 141: Jadi, jauh sangat tu.

U 142: Jadi, kalau bersetuju, begitulah!

U 143: Insya-Allah, belanja mas kahwin saya akan bawa pada masa akad nikah.

U 144: Dan belanja besarnya yang lima ribu, insya-Allah saya bawa bila pihak perempuan perlukan.

Sama ada bagi pihak yang membawanya atau bagi pihak yang tidak membawanya, masing-masing mempunyai sebab dan alasan tersendiri. Ini membuktikan bahawa perlakuan itu tidak begitu ditekankan dalam majlis pertunangan sebaliknya bergantung kepada keselesaan dan pertimbangan kedua-dua pihak. Sehubungan itu, wang pendahuluan ialah artifak yang tidak semestinya ada dalam majlis pertunangan. Tindakan membawa atau tidak membawa wang pendahuluan tidak boleh ditegaskan sebagai adat atau peraturan yang perlu dipatuhi dalam majlis pertunangan. Dalam hal ini, yang santun di sini ialah fleksibiliti terhadap tindakan berhubung artifak ini.

6.6 Makanan Manis

Kajian mendapati semua rombongan lelaki (100.00 %) membawa pelbagai jenis makanan yang manis yang merupakan kuih-muih tradisional orang Melayu. Makanan yang manis ini juga adalah satu lambang yang berperanan menyampaikan maksud dan hasrat pihak lelaki yang mahu hubungan yang mesra dan manis. Pihak perempuan juga akan membalas dulang hantaran itu dengan makanan yang manis

juga. Ini untuk menunjukkan bahawa pihak perempuan juga mahu hubungan yang manis antara kedua-dua pihak. Ini terbukti menerusi ujaran yang berikut.

Contoh 6.8

MP 3

WP:U 39: Sebagai balasan kita juga ada bawa benda manis sebagai biasa.

U 40: Ialah adat orang Melayu, kita ikutlah!

U 41: Yang saya nampak di sini kuih-kuih, yang lain pada tu tak dak benda pedas-pedas.

MP 12

WL:U 67: Ada bawa kek.

U 68: Dan satu lagi tu, halwa betik.


WP:U 69: Cantik arrangement tu, Encik Hasan.

U 70: Halwa betik tu manis ke?

WL:U 71: Tentulah manis... (Sambil ketawa)

Hasil daripada tinjauan dan pemerhatian, berikut disenaraikan makanan manis yang terdapat dalam majlis pertunangan yang dirakamkan, antaranya adalah seperti yang berikut:

- i) Kek dan biskut
- ii) Puding atau agar-agar
- iii) Wajik (pulut manis)



Gambar Foto 6.6: Makanan manis seperti halwa buahan dan kek melambangkan kemesraan

- iv) Gula-gula dan coklat
- v) Halwa buah-buahan

Kajian juga mendapati tidak ada pihak yang menyediakan makanan pedas sebagai salah satu makanan yang terdapat dalam dulang hantaran. Kesemua makanan yang dibawa diletakkan di dalam dulang yang dihias cantik dan menarik.

6.7 Buah-Buahan

Dapatan kajian menunjukkan selain makanan manis, buah-buahan juga terdapat dalam kesemua majlis pertunangan (100.0 %). Buah-buahan yang dipilih terdiri daripada pelbagai jenis buah tanpa mengira buah tempatan atau buah import. Dapatan menunjukkan buah pisang adalah antara jenis buah tempatan yang terdapat di dalam semua majlis pertunangan. Buah pisang digambarkan sebagai kesuburan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Memandangkan buah-buahan tempatan kebanyakannya jenis bermusim, dulang buah-buahan lebih kerap diisi dengan buah-buahan import seperti anggur, epal dan pear. Selain itu, buah-buahn import sentiasa ada di pasaran dan lebih tahan lama berbanding buah-buahn tempatan yang lebih cepat rosak.

Tinjauan mendapati bahawa ahli keluarga pada masa sekarang membawa buah-buahan hanya sebagai tujuan buah tangan dan tidak memaksudkannya dengan makna-makna yang lebih tersirat dan khusus seperti makna yang ada daripada sirih atau gula, garam dan asam.

Buah-buahan tersebut dihias dengan cantik dan menarik. Tinjauan mendapati semua pihak lelaki membawa buah-buahan dan semua pihak perempuan membalasnya dengan buah-buahan juga (100.0 %). Ini menunjukkan bahawa buah-buahan menjadi barang artifak yang diutamakan dalam majlis pertunangan.

6.8 Sepersalinan Pakaian

Kajian mendapati terdapat 18 daripada 19 MP (94.73 %) yang pihak lelaki membawa sepersalinan pakaian untuk dihadiahkan kepada pihak perempuan. Antaranya ialah sepasang kasut, sehelai kain untuk dibuat baju dan beg tangan.

Pihak perempuan juga turut menyediakan dulang hantaran sebagai balasan. Pihak perempuan menghadiahkan sepersalinan pakaian seperti kemeja, songkok dan kasut. Ini dapat dilihat menerusi contoh ujaran yang berikut:

Contoh 6.9

MP 3

WL:U 8: Yang ketiga, di sana, cincin berlian, buah-buahan serta satu persalinan.

MP 12

WL:U 66: Di sebelah sana tu satu pasang pakaian wanita.



Dapatan menunjukkan biasanya pihak perempuan juga akan membalaik pemberian daripada pihak lelaki dengan sepersalinan pakaian, hal ini jelas menerusi ujaran yang berikut.

WP:U 102: Dan baju Melayu, baju kemeja dan yang lain-lainnya sebagai pengiring.

Dalam masyarakat Melayu, pemberian hadiah yang berupa sepersalinan pakaian memang menjadi amalan sejak zaman dahulu lagi. Sultan akan menganugerahkan sepersalinan pakaian kepada panglima perangnya yang berjaya dalam menjalankan tugas mereka. Malahan Sultan juga akan mengahdiahkan pakaian kepada hamba rakyatnya pada hari keputeraannya. Hadiah tersebut ialah lambang penghargaan daripada Sultan kepada panglima atau rakyatnya. Pemberian ini diteruskan dalam upacara-upacara yang lain terutama dalam majlis pertunangan. Maka, tindakan menghadiahkan sepersalinan pakaian dalam majlis pertunangan merupakan tindakan yang menggambarkan perasan disukai, dihargai dan disenangi.

6.9 Peralatan Sembahyang

Antara barang hantaran yang terdapat dalam dulang hantaran ialah peralatan sembahyang yang terdiri daripada sejadah, songkok atau telekung. Dapatan menunjukkan barang tersebut terdapat 13 MP (68.42 %). Pemberian barang-barang tersebut melambangkan peribadi umat Islam yang mengutamakan ibadah sembahyang. Ini dijelaskan dengan contoh ujaran yang berikut.



Gambar Foto 6.7: Songkok dan Al-Quran ialah peralatan ibadah yang sering menjadi bahan hantaran semasa majlis pertunangan

Contoh 6.10

MP 12


WP:U 100: Merupai sebelas dulang yang umpama saya tengok, ada songkok.

U 101: Jadi dia ingatkan suruh sembahyang.

6.10 Bunga Rampai Atau Potpouri

Barang tersebut didapati menjadi salah satu barang yang diisikan di dalam dulang hantaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dulang hantaran yang diisi sama ada dengan bunga rampai atau potpouri terdapat dalam 15 MP (78.95 %). Bunga rampai diperbuat daripada hirisan daun pandan yang dicampur dengan pelbagai jenis bunga yang wangi seperti bunga mawar, melur dan tanjung. Campuran bahan-bahan dirinjis pula dengan air mawar untuk membangkitkan keharumannya. Bunga rampai ini akan diisi ke dalam bekas yang cantik atau ke dalam kain yang digubah menjadi unik dan menarik. Pada masa sekarang, penggunaan potpouri semakin mendapat tempat dan boleh ditemui dalam kebanyakan majlis pertunangan. Potpouri yang diperbuat daripada bunga-bunga kering dimasukkan ke dalam bekas yang cantik. Penggunaan potpouri yang menggantikan bunga rampai adalah kerana potpouri lebih mudah untuk disediakan kerana boleh didapati dikedai. Berbeza dengan bunga rampai yang memerlukan banyak masa untuk menyediakannya.

Bunga rampai atau potpouri yang wangi ini digunakan untuk membawa maksud satu ikatan dan hubungan yang mesra dan baik, seperti kewangian bahan tersebut.



Gambar Foto 6.8: Potpourri dan minyak wangi dalam pertunangan menggambarkan hubungan yang mesra

6.11 Kain Putih Lipat 44

Kajian juga mendapati terdapat pihak lelaki turut menghadiahkan sehelai kain putih yang dilipat 44 yang dikenali sebagai kain lipat 44. Kain putih itu dikatakan sebagai lambang kebersihan dan kesucian daripada lelaki kepada pihak perempuan dan mengharapkan pihak perempuan menjaga kesucian dan kegadisannya sehingga tiba hari berlangsungnya akad nikah. Namun begitu, amalan membawa kain putih lipat 44 ini tidak begitu diamalkan lagi. Kajian mendapati hanya 1 MP (5.26 %) sahaja yang membawanya manakala 18 MP (94.74 %) lagi tidak mengamalkannya. Amalan membawa kain tersebut yang mengandungi makna kesucian gadis itu tidak lagi diamalkan memandangkan perkara tersebut terlalu peribadi dan rahsia. Ini juga membuktikan bahawa orang Melayu sentiasa cuba menyesuaikan perlakuan adat mengikut perkembangan ilmu dan sudut pandangan yang lebih positif. Sesuatu yang dianggap kurang menyenangkan tidak diamalkan.

6.12 Gula, Garam Dan Asam

Kajian juga mendapati pihak lelaki turut membawa sedikit gula, garam dan asam jawa yang diletakkan di dalam bekas yang cantik atau dibungkus dalam gubahan yang menarik. Barang-barang tersebut membawa makna kemanisan dan asam garam kehidupan yang perlu dilalui bersama oleh pasangan suami isteri. Ketiga-tiga bahan yang berlainan rasa tetapi merupakan asas rasa dalam setiap makanan menjadi simbol bahawa hidup ini penuh dengan keindahan dan

kepayahan. Pasangan suami isteri sepatutnya menerima hakikat tersebut dan membina kehidupan yang baik. Dapatan menunjukkan bahawa amalan membawa bahan-bahan tersebut terdapat dalam 12 MP (63.15 %). Manakala 7 MP (36.84 %) tidak lagi mengamalkannya.

6.13 Beras

Dalam beberapa majlis, terutama di kalangan masyarakat Perak, rombongan lelaki turut membawa beras. Beras itu diletakkan di bawah tepak sirih manakala tepak itu pula disimpan di dalam sebuah kotak kayu yang berbalutkan kain baldu bertekatkan benang emas. Beras tersebut adalah sebagai lambang hubungan yang erat atau lebih tepat lagi sebagai lambang keakraban dan kekekalan. Kajian menunjukkan rombongan lelaki dari Perak sebanyak 5 MP (26.31 %) membawa bersama sedikit beras.

Sekiranya pihak lelaki ada membawa beras, pihak perempuan, walaupun bukan di Perak tetap membalasnya dengan beras. Ini ternyata berlaku dalam MP 5 (Lelaki dari Perak, perempuan dari Kedah) dan MP 8 (Lelaki dari Perak, perempuan dari Pahang). Manakala 14 MP (73.84 %) tidak mempraktikkannya.

6.14 Duit Syiling

Seperti yang dibincangkan dalam 6.13, bahawa di dalam bekas tepak sirih akan diletakkan sedikit beras. Selain beras, duit syiling juga diletakkan. Nilai duit syiling tersebut tidak tentu, dalam MP 8, terdapat syiling 25 sen, manakala dalam

MP 5, nilai syilingnya 125 sen. Duit syiling tersebut adalah sebagai simbol pembuka rezeki kepada kedua-dua pasangan yang bertunang. Amalan ini terdapat di kalangan masyarakat Perak. Lazimnya, pihak lelaki yang memasukkan wang syiling di bawah bekas tepak sirih. Bagi pihak perempuan, mereka akan membalaik pemberian wang syiling itu sekiranya ada pihak lelaki yang meletakkan wang syiling itu terlebih dahulu. Hasil tinjauan mendapati wang syiling menjadi antara barang yang dibawa dalam 4 MP (21.05 %).

6.15 Makanan Dalam Majlis Kenduri

Orang Melayu sangat menghormati tetamu dan lazimnya tetamu akan dilayan dengan penuh mesra. Selain bersikap ramah tamah dan mesra, tetamu juga dipastikan tidak pulang dalam keadaan lapar. Dalam semua majlis pertunangan didapati tuan rumah, iaitu pihak perempuan akan mengadakan majlis kenduri dan tetamu akan disajikan dengan makanan nasi dan pelbagai jenis lauk. Jamuan makan dan kenduri itu bukan hanya dikhurasukan kepada rombongan lelaki sahaja sebaliknya adalah juga untuk semua tetamu yang hadir termasuk kaum keluarga sebelah perempuan. Majlis kenduri ini memeriahkan lagi suasana majlis pertunangan.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua MP (100.00 %) menyediakan jamuan berat sama ada untuk makan tengah hari atau makan malam. Perlakuan menyajikan jamuan berat menjadi adat dan amalan yang kukuh dalam majlis pertunangan di kalangan masyarakat Melayu. Antara jenis makanan yang dihidangkan ialah nasi berserta lauk-pauknya. Di negeri Perak, antara masakan

yang dihidangkan ialah masakan sayur lemak sama ada sayur lemak keladi, nangka muda atau pisang muda. Hasil tinjauan mendapati bahawa jenis sayur tersebut turut memberikan maknanya yang tersendiri. Nangka muda, pisang muda atau pun keladi adalah antara jenis sayur yang bergetah manakala getah itu disimbolkan sebagai bahan untuk memelekatkan atau mencantumkan dua objek. Ini memberi imbasan dan bayangan bahawa hasrat keluarga perempuan yang menginginkan hubungan antara kedua-dua keluarga terus berkekalan dan rapat. Dapatan kajian menunjukkan kesemua hidangan dalam majlis pertunangan yang dirakamkan di Perak disajikan dengan masakan sayur lemak tersebut, contohnya dalam TRS 6 dan TRS 10 sayur lemak nangka muda, TRS 9 sayur lemak pisang muda, manakala dalam TRS 14 dan TRS 15 sayur lemak keladi.

Dalam 6 MP (31.57 %) seperti MP 3, MP 6, MP 11, MP 12, MP 17 dan MP 18 menyajikan nasi minyak. Manakala dalam 13 MP (68.42 %) yang lain menyajikan nasi putih. Analisis ini menunjukkan nasi minyak merupakan sajian bagi masyarakat Melayu di bandar berbanding nasi putih menjadi sajian bagi masyarakat Melayu kampung.

Makanan yang disajikan dalam majlis pertunangan dianggap sebagai salah satu artifak dalam majlis pertunangan, memandangkan tindakan tersebut adalah kemestian dan menjadi salah satu perkara yang diutamakan dalam majlis pertunangan. Makanan yang disajikan itu menunjukkan budi bahasa pihak perempuan dan pengabaianya boleh menjelaskan citra diri awam keluarga perempuan. Sehubungan itu, penyediaan makanan untuk disajikan kepada para tetamu sangat dititikberatkan.

6.17 Kesimpulan

Daripada 19 MP yang dianalisis, dirumuskan bahawa artifak adalah antara unsur penting dalam majlis pertunangan. Kajian membuktikan bahawa tidak ada satu majlis pun yang mengecualikan artifak, walaupun terdapat perbezaan dalam jenis artifak dan bilangannya. Antara artifak yang penting dan tidak dikecualikan dalam majlis pertunangan ialah tepak sirih dan cincin. Dua barang ini menjadi kemestian dan merupakan unsur terpenting sebagai lambang pertunangan. Meramandangkan tepak sirih dan cincin ialah artifak yang menjadi tanda dan lambang dalam urusan peminangan, maka tindakan membawa barang-barang tersebut adalah tindakan yang santun yang menggambarkan urusan peminangan yang penuh dengan adat. Tanpa kedua-dua barang ini, majlis pertunangan mungkin menjadi cacat dan kemungkinan besar tidak akan diteruskan. Pihak perempuan akan mendapat aib sekiranya rombongan peminangannya datang tanpa adab, manakala pihak lelaki akan mendapat malu kerana peminangan tersebut tidak diterima malahan dituduh sebagai golongan yang tidak beradab.

Dulang hantaran yang lain, yang mengandungi makanan, pakaian dan barang-barang lain adalah lebih bersifat buah tangan tetapi tidak pernah ditinggalkan dalam majlis pertunangan walaupun ianya bukan sesuatu yang menjadi kemestian. Setiap barang hantaran dalam majlis pertunangan mempunyai makna dan ini merupakan strategi kesantunan di kalangan orang Melayu kerana menyampaikan hasrat, maksud dan harapan menerusi barang-barang tersebut. Banyak hasrat, maksud dan harapan tidak mampu diungkapkan dengan kata-kata,

apa lagi antara dua buah keluarga yang belum ada ikatan kekeluargaan. Maka, pemberian hadiah menerusi dulang hantaran mampu menggambarkan segala maksud tersebut. Inilah keluhuran budi bahasa orang Melayu.

Nota

1. Dikenali juga sebagai “pahar” dalam Amran Kasimin, 2002:22).
2. Sumber daripada Prof Dr Wan Abd Kadir, APM, Jun 2001.